

Centre Number	Candidate Number	Name
---------------	------------------	------

UNIVERSITY OF CAMBRIDGE INTERNATIONAL EXAMINATIONS
International General Certificate of Secondary Education

FOREIGN LANGUAGE MALAY

0546/02

Paper 2 Reading and Directed Writing

May/June 2004

1 hour 30 minutes

Candidates answer on the Question Paper.
No Additional Materials are required.

READ THESE INSTRUCTIONS FIRST

Write your Centre number, candidate number and name on all the work you hand in.
Write in dark blue or black pen in the spaces provided on the Question Paper.
Do not use staples, paper clips, highlighters, glue or correction fluid.

Answer **all** questions in **Section 1** and **Section 2**.

You may also attempt **Section 3**.

The number of marks is given in brackets [] at the end of each question or part question.

At the end of the examination, fasten all your work securely together.

If you have been given a label, look at the details. If any details are incorrect or missing, please fill in your correct details in the space given at the top of this page.

Stick your personal label here, if provided.

For Examiner's Use	
Section 1	
Section 2	
SUB-TOTAL	
Section 3	
TOTAL	

Latihan 1 Soalan 1–5

Pilih jawapan yang betul untuk soalan-soalan di bawah ini:

- 1 Anda berada di stesen kereta api dan anda mahu membeli tiket. Ke manakah anda akan pergi?





- A kaunter
- B tandas awam
- C restoran
- D toko akhbar

[1]

- 2 Di sebuah kedai anda nampak notis ini:

Potongan sebanyak 50% pada harga beg

Tawaran ini dibuat untuk produk apa?

- A 
- B 
- C 
- D 

[1]

- 3 Bangunan-bangunan yang sangat tinggi dipanggil...

- A panggung wayang.
- B pencakar langit.
- C banglo.
- D berek.

[1]

4 Apabila seseorang itu mahu mencari jalan ke sesebuah bandar, dia akan merujuk...

A peta.

B rajah.

C buku.

D kamus.

[1]

5 Anak yang paling terakhir di dalam sesebuah keluarga dipanggil...

A anak tiri.

B anak angkat.

C anak bongsu.

D anak emas.

[1]

[Jumlah: 5 markah]

Latihan 2 Soalan 6–10

Sebuah majalah pelajar bertanya para pembacanya bagaimana mereka pergi ke sekolah. Berikut ialah jawapan mereka:

Ali: Rumah saya tidak jauh dari sekolah. Saya berjalan ke sekolah setiap hari.

Brenda: Saya berjalan ke rumah kawan saya. Kemudian kami menaiki kereta ibunya ke sekolah.


Chiew Yuan: Ibu bapa saya keluar bekerja terlalu awal. Jadi saya menaiki teksi ke sekolah setiap hari.

Dewi: Pada setiap hari Isnin dan Khamis, saya ada latihan muzik. Saya menaiki bas ke sekolah kerana violin saya berat.

Emirah: Kami tinggal di kampung. Jadi perjalanan saya ke sekolah mengambil masa sejam setiap hari. Saya mengayuh basikal ke stesen dan kemudian naik kereta api ke sekolah.

Fadzil: Saya percaya adalah penting untuk menjaga kebersihan udara dan alam sekitar. Jadi saya lebih suka mengayuh basikal ke sekolah.



Padankan nama pelajar dengan gambar yang betul.





..... [1]




..... [1]



..... [1]



..... [1]



..... [1]

[Jumlah: 5 markah]

Latihan 3 Soalan 11–15

Baca pengumuman ini yang diterbitkan dalam sebuah majalah pelajar dengan teliti dan kemudian jawab soalan-soalan berikutnya:

Sempena perayaan Hari Kebangsaan tahun depan, para pelajar yang berminat diminta menyertai pertandingan menulis sajak, pantun dan cerpen yang bertema:

“Negara Kebanggaanku”

Pemenang-pemenang dari setiap kategori akan menerima hadiah lumayan dalam bentuk wang tunai.

Syarat-syarat penyertaan adalah seperti berikut:

- Umur – 12-16 tahun.
- Setiap pelajar hanya boleh menghantar sumbangan untuk satu kategori sahaja.
- Tarikh terakhir untuk sumbangan – 20 Mac 2005.

Para pengadil terdiri daripada lima orang Guru Besar dari beberapa sekolah menengah di daerah ini.

Semua karya yang berjaya akan diterbitkan dalam Majalah Pelajar.


Tandakan **betul** atau **salah**.

	Betul	Salah	
11 Hadiah yang akan diberikan adalah dalam bentuk cek dan pingat.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	[1]
12 Para pelajar yang berumur 10 tahun terlalu muda untuk menyertai pertandingan ini.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	[1]
13 Para pelajar boleh menyertai salah satu kategori sahaja.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	[1]
14 Lima orang ibu bapa akan dipilih untuk menjadi pengadil.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	[1]
15 Penulisan yang berjaya dalam pertandingan ini akan diterbitkan dalam Majalah Pelajar.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	[1]

[Jumlah: 5 markah]

Latihan 4 Soalan 16

16 Anda telah ditanya jalan untuk pergi ke Pekan Alor Sena dari Kuala Muda. Lihat peta bawah dan terangkan cara untuk pergi ke sana. Terangkan apa yang akan orang itu nampak. Beri arah jalan.



.....

.....

.....

.....

.....

[Jumlah: 5 markah]

Latihan 1 Soalan 17–23

Baca cerita berikut ini dan jawab soalan-soalannya:

Ali dan ibu bapanya hidup dalam keadaan miskin. Bagaimanapun, Ali seorang anak yang baik dan dia tidak pernah merasa kecewa. Dia tahu bahawa kalau ibu bapanya mampu, mereka akan membeli apa saja yang dia mahu.

Ali tahu bahawa kepandaiannya berguna untuk menukar nasib keluarganya. Dia perlu rajin belajar untuk mendapat pekerjaan yang baik. Dia berjanji akan membawa ibu bapanya keluar dari kampung supaya ibunya tidak lagi perlu membasuh pakaian di rumah orang setiap pagi. Bapanya juga tidak akan perlu berlari ke sana sini mencari makan. Kadang-kadang, bapanya kelihatan tersangat letih apabila balik dari menangkap ikan di sungai. Kemudian dia terpaksa menjual ikan-ikan itu di serata kampung. Dengan duit yang dia dapat, dia membeli buku-buku sekolah Ali.

Selama dua bulan, Ali tidak dapat membantu bapanya menangkap dan menjual ikan sebab dia terpaksa mengulangkaji untuk peperiksaannya. Keputusan peperiksaan ini akan menentukan sama ada dia akan mendapat biasiswa untuk belajar di luar negeri. Dan keputusan ini telah diterimanya.

Apabila berita baik diterima oleh Ali, ibu bapanya memang tidak terkejut. Mereka tahu bahawa hasil kerja kuat dan kerajinan Ali, dia telah mencapai cita-citanya untuk belajar di luar negeri. Dan mereka membenarkan Ali pergi untuk masa depannya dan juga masa depan mereka.

17 Bagaimanakah keadaan hidup keluarga Ali?

.....[1]

18 Apakah **dua** sifat yang terdapat pada Ali?

(i)[1]

(ii)[1]

19 Apakah yang Ali perlu buat untuk menukar hidup mereka?

.....[1]

20 Apakah pekerjaan ibu Ali dan juga bapanya?

.....

.....[2]

21 Apakah yang dibeli oleh bapa Ali dengan duit yang dia dapat?

.....[1]

22 Mengapakah Ali tidak dapat menolong bapanya dalam masa dua bulan yang lepas itu?

.....[1]

23 (a) Apakah perasaan ibu bapa Ali semasa dia mendapat peluang untuk pergi belajar di luar negeri?

.....[1]

(b) Dan mengapa?

.....[1]

[Jumlah: 10 markah]

Latihan 2 Soalan 24

24 Tulis sepucuk surat kepada sahabat pena anda yang baru untuk memperkenalkan diri anda.
Ceritakan tentang perkara-perkara berikut:

- diri anda;
- hobi atau minat anda;
- keluarga anda;
- tanya dua soalan mengenai diri sahabat pena anda yang baru ini.

Kawanku

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

Yang benar,

.....

[Jumlah: 15 markah]

PLEASE TURN OVER FOR SECTION 3

Latihan 1 Soalan 25–29

Baca keratan berita ini dan pilih jawapan yang betul:

Kuala Lumpur (Ahad): Dua orang pelajar sebuah sekolah telah mendapat pujian selepas berjaya menyelamatkan nyawa seorang kanak-kanak kecil yang jatuh ke dalam sungai.

Asahari Awang, 14 dan Ismail Usman, 13 sedang berjalan pulang ke rumah mereka di Kampung Lama apabila mereka terdengar jeritan seorang budak. Mereka berlari ke arah sungai berdekatan dan ternampak Azizan Yahya, 6 tahun, di dalam air.

Menurut Ketua Polis Daerah Kampung Lama, Inspektor Azman Hassan, kedua-dua orang pelajar itu tidak membuang masa dan terus terjun ke dalam sungai itu dan menarik keluar kanak-kanak itu. Mereka kemudiannya memanggil ambulans yang membawa kanak-kanak itu ke hospital.

“Tindakan segera oleh Asahari dan Ismail telah menyelamatkan nyawa Azizan,” kata Inspektor Azman.

Kedua-dua ibu dan bapa Azizan, Yahya Umar dan Aishah Arof, mengucapkan berbanyak terima kasih kepada kedua-dua orang pelajar itu.

“Azizan sedang bermain di luar rumah dan saya sedang masak di dapur semasa kejadian itu berlaku. Saya dengar Azizan menyanyi-nyanyi. Dia tidak pernah pergi ke sungai seorang diri sebelum ini. Selepas itu, seorang jiran saya memberitahu bahawa Azizan telah dibawa ke hospital. Saya sangat terkejut dan terus pergi ke sana. Kami sangat berterima kasih kepada pelajar-pelajar ini,” kata Aishah.

Menurut Inspektor Azman, kedua-dua orang pelajar itu akan menerima hadiah wang daripada Pegawai Daerah Kota Lama itu sebagai penghargaan.

25 Apakah yang dilakukan oleh Asahari Awang dan Ismail Usman?

- A** Berjalan ke sekolah.
- B** Menyelamatkan kanak-kanak yang jatuh ke dalam sungai.
- C** Memanggil polis ke sungai itu.
- D** Meminta pertolongan daripada ibu bapa kanak-kanak itu. [2]

26 Apakah sifat yang terdapat pada Asahari dan Ismail?

- A** takut mati
- B** murah hati
- C** berani
- D** pemalu [2]

27 Apakah ibu kanak-kanak itu sedang buat semasa kejadian ini berlaku?

- A** Dia sedang menyanyi di dapur.
- B** Dia sedang melawat jirannya.
- C** Dia sedang bermain dengan Azizan.
- D** Dia sedang sibuk memasak. [2]

28 Apakah perasaan ibu bapa Azizan?

- A** Mereka bersyukur anak mereka selamat.
- B** Mereka bersedih.
- C** Mereka rasa bimbang.
- D** Mereka rasa marah dengan Azizan. [2]

29 Apakah yang akan berlaku kepada Asahari dan Ismail?

- A** Mereka akan dibawa ke balai polis.
- B** Mereka akan diberi penghargaan.
- C** Mereka akan balik ke sekolah.
- D** Mereka akan ditegur kerana mandi dalam sungai. [2]

Latihan 2 Soalan 30–35

Sebagai seorang penulis majalah sekolah anda, anda diminta menemubual guru besar anda mengenai program tukar menukar pelajar.

Aman: Terima kasih kerana sudi memberi peluang kepada saya untuk menemubual Encik Bakar. Bagaimana program tukar menukar ini bermula?

En Bakar: Ini bukanlah program yang baru dan telah pun dijalankan di beberapa buah sekolah. Saya telah mendapat senarai beberapa buah sekolah di Britain, Australia dan Amerika Syarikat yang mempunyai minat mengambil beberapa orang pelajar sekolah kita dan pada masa yang sama, pelajar mereka akan datang belajar di sini.

Aman: Bagaimanakah program ini akan dijalankan?

En Bakar: Setakat ini kami adakan rancangan belajar mengenai negara masing-masing menerusi internet. Misalnya pelajar-pelajar kita belajar mengenai sejarah United Kingdom, mengenai penduduknya, industri, iklim dan bermacam-macam lagi. Selain daripada itu mereka berinteraksi dengan para pelajar di sebuah sekolah di sana yang juga mempelajari mengenai Malaysia.

Aman: Berapa orang pelajar akan dipilih?

En Bakar: Lima orang pelajar akan dipilih. Mereka mestilah mencari penaja mereka sendiri untuk membiayai kos penerbangan, dan perbelanjaan selama tiga bulan di sana. Pihak sekolah di sana akan mencari keluarga angkat untuk mereka.

Aman: Dan bagaimana pula dengan para pelajar dari United Kingdom?

En Bakar: Kami akan carikan keluarga angkat untuk mereka dan aturkan program yang bukan sahaja bermakna mereka belajar dalam kelas sahaja tetapi juga melawat tempat-tempat bersejarah dan bergaul dengan orang-orang tempatan.

Aman: Siapakah yang boleh menjadi penaja para pelajar yang ingin menyertai program ini?

En Bakar: Selain daripada ibu bapa mereka, mereka juga boleh meminta syarikat-syarikat yang mahu membantu mereka.

Aman: Apakah yang pelajar harus buat untuk menyertai rancangan ini?

En Bakar: Mereka akan diminta mengisi borang dan menulis satu karangan menerangkan mengapa mereka layak dipilih untuk menyertai program tukar menukar ini. Dan, seperti yang saya katakan tadi, lima calon dipilih menjelang bulan Mac tahun depan, dan mereka mesti mempunyai bukti yang mereka mendapat tajaan wang untuk pergi ke United Kingdom.

Aman: Terima kasih.

Jawab soalan-soalan ini:

30 Mengapakah program ini dipanggil program tukar menukar?

.....
[2]

31 Setakat ini bagaimanakah para pelajar belajar mengenai negara-negara yang terlibat dalam program ini?

(i)[1]

(ii)[1]

32 Mengapakah pelajar yang menyertai program ini memerlukan wang?

.....[1]

33 Apakah yang akan dilakukan oleh pihak sekolah En Bakar untuk para pelajar yang akan datang?

(i)[1]

(ii)[1]

34 Apakah syarat-syarat penyertaan para pelajar yang akan dipilih untuk menyertai program ini?

(i)[1]

(ii)[1]

35 Apakah bukti yang diperlukan oleh pihak sekolah sebelum keputusan dibuat?

.....[1]

[Jumlah: 10 markah]

16
BLANK PAGE

www.PapaCambridge.com